

**CABARAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP
PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 SEMASA
MENJALANKAN LATIHAN MENGAJAR DI SEKOLAH**

NUR EL SOFIA BINTI ZULQURNAIN

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**

**CABARAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP
PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 SEMASA
MENJALANKAN LATIHAN MENGAJAR DI SEKOLAH**

NUR EL SOFIA BINTI ZULQURNAIN

**LAPORAN PENULISAN ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN
KEPUJIAN**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**



Sila tandakan (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 30 Januari 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, Nur El Sofia Binti Zulqurnain No Matrik D20191089273 dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Cabaran Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar Di Sekolah adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

elsofia

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya Encik Muhammad Hasbi bin Abdul Rahman dengan ini mengesahkan hasil kerja pelajar yang bertajuk Cabaran Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar Di Sekolah dihasilkan sepertimana di atas dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan bagi memperolehi sebahagian syarat memperolehi IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN.

Tarikh

Tandatangan Penyelia



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan nukilan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Elsofia

NUR EL SOFIA BINTI ZULQURNAIN

D20191089273

30 JANUARI 2023

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. syukur alhamdullillah kepada Ilahi atas rahmat dan limpah kurnia yang diberikan kepada saya untuk melaksanakann tesis ini dengan jayanya. Hasil dari dorongan dari pelbagai pihak saya mungkin tak akan berjaya untuk melaksanakan penulisan saya ini jika tidak ada dorongan yang padu dari orang sekeliling saya. Terima kasih saya ucapkan atas dorongan, bimbingan dan kerjasama dari semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ustaz Muhammad Hasbi bin Abdul Rahman selaku penyelia bagi projek ini kerana tidak jemu memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalankan kajian ilmiah ini. Segala bimbingan, tunjuk ajar yang beliau berikan kepada saya amat saya hargainya

Ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada ayahanda tercinta Zulqurnain bin Ahmad dan ibunda yang disayangi Muzlina bin Muhidin yang sentiasa menjadi pembakar semangat sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan saya kerana telah tunjuk ajar, sokongan, dorongan dan panduan untuk melaksanakan penulisan ilmiah ini. Akhir sekali, guru- guru pelatih Pendidikan Islam yang telah menjadi responden dalam kajian, saya ucapkan jutaan terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk menjawab instrumen kajian saya iaitu borang selidik yang berkaitan dengan penulisan kajian saya serta penghargaan buat individu atau mana-mana kumpulan yang telah memberikan kerjasama yang baik sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Sekian, Terima Kasih,
Nur El Sofia Binti Zulqurnain

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam terhadap PAK-21 semasa menjalankan latihan mengajar 1. Kontrak kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penguasaan guru pelatih Pendidikan Islam UPSI terhadap PAK-21 semasa menjalankan latihan mengajar, mengkaji cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam UPSI terhadap PAK-21 semasa menjalankan latihan mengajar serta menganalisis dan mencadangkan penambahbaikan terhadap PAK-21 daripada guru pelatih Pendidikan Islam UPSI. Sumber utama bagi mendapatkan data kajian adalah melalui pendekatan kuantitatif. Responden dalam kajian ini ialah melibatkan 60 orang guru pelatih Pendidikan Islam UPSI semester 6 dan semester 7 yang telah menjalankan latihan mengajar 1. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data kuantitatif adalah borang soal selidik. Analisis ini dilaksanakan bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratus, min dengan menggunakan perisian Statistical Packages For Social Sciences (SPSS). Hasil analisis data menunjukkan bahawa tahap penguasaan guru pelatih Pendidikan Islam terhadap PAK-21 berada di tahap yang tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.2200 manakala cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam terhadap PAK-21 adalah berada di tahap yang sederhana dengan nilai min keseluruhan 3.3972. Kesimpulannya, penguasaan terhadap PAK-21 dan mengetahui cabaran yang dialami oleh guru-guru di sekolah pada masa kini amat penting di ketahui dalam sistem pendidikan agar kualiti pendidikan di Malaysia sentiasa dalam keadaan baik.

THE CHALLENGE OF ISLAMIC EDUCATION TRAINING TEACHERS TO THE IMPLEMENTATION OF 21ST CENTURY LEARNING WHILE CONDUCTING TEACHING TRAINING IN SCHOOL

ABSTRACT

This study aims to examine the challenges faced by Islamic Education trainee teachers against PAK-21 while conducting teaching training 1. The structure of this study is to identify the level of mastery of UPSI Islamic Education trainee teachers against PAK-21 while conducting teaching training, examine the challenges faced by UPSI Islamic Education trainee teachers on PAK-21 while conducting teaching training as well as analyzing and suggesting improvements to PAK-21 from UPSI Islamic Education trainee teachers. The main source for obtaining research data is through a quantitative approach. The respondents in this study involved 60 UPSI Islamic Education trainee teachers in semester 6 and semester 7 who had carried out teaching training 1. The research instrument used to collect quantitative data was a questionnaire. This analysis is carried out to obtain frequency, percentage, mean values by using Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) software. The results of data analysis show that the level of mastery of Islamic Education trainee teachers on PAK-21 is at a high level with an overall mean value of 4.2200 while the challenges faced by Islamic Education trainee teachers on PAK-21 is at a moderate level with an overall mean value of 3.3972. In conclusion, mastery of PAK-21 and knowing the challenges experienced by teachers in schools nowadays is very important to know in the education system so that the quality of education in Malaysia is always in good condition.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN KEASLIAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii-iv
KANDUNGAN	v-vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	2-3
1.3 Pernyataan Masalah	3-4
1.4 Tujuan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Persoalan Kajian	6
1.7 Kerangka Teori Kajian	7-8
1.8 Kerangka Konseptual	9
1.9 Kepentingan Kajian	9-10
1.10 Batasan Kajian	10-11
1.11 Definisi Operasional	11-14
1.12 Kesimpulan	14
BAB 2	15
KAJIAN LITERATUR	15
2.1 Pengenalan	15
2.2 Konsep Pendidikan	16
2.3 Pendidikan Islam	16-17
2.4 Falsafah Pendidikan Islam	17-18
2.5 Pembelajaran Abad Ke-21	18
2.6 Elemen-Elemen Pembelajaran Abad Ke-21	19-22
2.7 Cabaran PAK-21	22
2.7.1 Cabaran PAK-21 Dari Sudut Cabaran Guru	22-23

2.7.2 Cabaran PAK-21 Dari Sudut Cabaran Murid	23
2.7.3 Cabaran PAK-21 Dari Sudut Cabaran Kemudahan	24
2.7.4 Cabaran Pak-21 Semasa Pandemik Covid-19	24-25
2.8 KAJIAN LEPAS	25-27
2.9 KESIMPULAN	27-28
BAB 3	28
METODOLOGI KAJIAN	28
3.1 PENGENALAN	28-29
3.2 REKA BENTUK	30
3.3 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN	30-31
3.4 LOKASI KAJIAN	32-33
3.5 PENGUMPULAN DATA	33
3.6 INSTRUMEN KAJIAN	34-35
3.7 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN	35-36
3.8 KAJIAN RINTIS	36
3.9 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA	37
3.10 ANALISIS DATA	38-39
3.11 KESIMPULAN	39
BAB 4	40
DAPATAN KAJIAN	40
4.1 PENGENALAN	40
4.2 PROFIL DEMOGRAFI KAJIAN	41-42
4.3 ANALISIS DAPATAN KAJIAN	43
4.3.1 Analisis Tahap Penguasaan Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar Di Sekolah	43-51
4.3.2 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 semasa Menjalankan Latihan Mengajar di UPSI	51
4.3.2.1 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar Di UPSI Dari Sudut Cabaran Guru	51-57

4.3.2.2 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar Di UPSI Dari Sudut Cabaran Sekolah	58-64
4.3.2.2 Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar Di UPSI Dari Sudut Cabaran Murid	64-70
4.3.3 Menganalisis Dan Mencadangkan Penambahbaikan Terhadap PAK-21 Daripada Guru Pelatih Pendidikan Islam Di UPSI	70-73
4.4 KESIMPULAN	73
BAB 5	74
PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	74
5.1 PENGENALAN	74
5.2 RINGKASAN KAJIAN	75-76
5.3 PERBINCANGAN KAJIAN	76
5.3.1 Perbincangan Analisis Item Soal Selidik Tentang Tahap Penguasaan Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar	76-77
5.3.2 Perbincangan Analisis Item Soal Selidik Tentang Mengenai Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar.	77-78
5.3.3 Perbincangan Analisis Item Soal Selidik Tentang Cadangan Penambahbaikan Terhadap PAK-21 Daripada Guru Pelatih Pendidikan Islam	78-81
5.4 BATASAN KAJIAN	82
5.5 IMPLIKASI KAJIAN	82
5.6 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	83-84
5.7 KESIMPULAN	84-85
RUJUKAN	86-90

**SENARAI JADUAL**

NO JADUAL	JENIS JADUAL	MUKA SURAT
3.1	Skor Skala Likert (1992)	35
3.2	Skor Min Responden	39
4.1	Profil Demografi Kajian	41-42
4.2	Tahap Skor Min	43
4.3	Analisis Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penguasaan Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar Di Sekolah	43-45
4.4	Analisis Min Dan Sisihan Piawai Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar Di Sekolah Dari Sudut Cabaran Guru	51-53
4.5	Analisis Min Dan Sisihan Piawai Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar Di Sekolah Dari Sudut Cabaran Sekolah	58-60
4.6	Analisis Min Dan Sisihan Piawai Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Pendidikan Islam Terhadap PAK-21 Semasa Menjalankan Latihan Mengajar Di Sekolah Dari Sudut Cabaran Pelajar	64-66



**SENARAI RAJAH**

NO RAJAH	JENIS RAJAH	MUKA SURAT
1.1	Teori Konstruktivisme Oleh Vygotsky	8
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	9
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	32
3.2	Lokasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Sumber Daripada Google Maps	33
4.1	Analisis Dan Cadangan Penambahbaikan Terhadap PAK-21 Daripada Guru Pelatih Pendidikan Islam Di UPSI	70



SENARAI SINGKATAN

PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
BBM	Bahan Bantu Mengajar
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
LCD	Liquid Crystal Display
PDP	Pengajaran Dan Pembelajaran
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
ICT	Information And Communication Technology
LM	Latihan Mengajar
SPSS	Statistical Package for Science Social
T	Tinggi
T	Tahap
S	Sederhana
R	Rendah
RPH	Rancangan Pengajaran Harian



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Sejarah Pendidikan Islam bermula sejak kewujudan manusia, namun begitu bentuk dan corak sistem Pendidikan berbeza mengikut peredaran zaman. Proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang berkesan merupakan isu sangat penting dan mencabar kepada semua guru Pendidikan Islam. Bab ini merupakan bab yang penting kerana bab ini akan memberi gambaran menyeluruh mengenai bab-bab berikutnya tentang kajian yang dijalankan. Perbincangan meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Bab ini juga membincangkan tentang kerangka teori yang mendasari kajian ini. Seterusnya, kerangka konseptual kajian yang mengandungi maklumat terperinci berkaitan komponen-komponen yang diukur dan pemboleh ubah yang terlibat. Sebagai pengenalan, bab ini juga turut membincangkan kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional yang penting untuk memudahkan pembaca mengikuti seluruh perjalanan kajian. Kesemua aspek tersebut menjadi panduan dalam pelaksanaan kajian ini.



1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Amalan Pedagogi merupakan aspek yang wajib dimiliki oleh para guru menjadi guru cemerlang iaitu mampu mempelbagaikan kaedah dan aktiviti pengajaran dan mempunyai daya kemahiran yang tinggi. Menurut Augustine Ngali (2019) yang dipetik dalam pandangan Shahfritz (1997) pedagogi merupakan satu prinsip dan juga merupakan kaedah pengajaran. Definisi yang lebih tepat adalah pedagogi ini dimaksudkan sebagai kemahiran mengajar yang digunakan oleh guru untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam satu bidang seperti bidang Pendidikan Islam. Pedagogi merupakan asas untuk mengetahui kualiti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru dan meliputi aspek prinsip, teknik dan proses pengajaran. Proses pengajaran yang menarik serta sistematik dapat menggerakkan murid untuk melibatkan diri secara aktif serta mengekalkan motivasi murid sepanjang aktiviti pembelajaran berlangsung.

Rupa dan bentuk pendidikan yang sesuai dengan generasi abad ke-21 telah banyak diperkatakan dan banyak bahan-bahan penulisan yang mengulas mengenai pendidikan yang mampu memenuhi harapan dan keperluan pendidikan masa kini dan masa depan. Rata-rata pakar pendidikan bersetuju bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran perlu berubah sesuai dengan perkembangan teknologi siber dan akses kepada internet yang semakin maju. Kaedah pengajaran konvensional seperti “chalk and talk” semata-mata kurang berhasil menarik minat murid sebaliknya memerlukan kaedah yang lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan pengajaran yang relevan sesuai dengan perkembangan semasa. PAK-21 telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara sejak 2014 yang hanya dibincangkan dalam anggota sistem pendidikan sahaja iaitu dalam kalangan guru, pelajar pendidikan atau ahli akademik.

Fokus utama PAK21 ialah orientasi proses pembelajaran yang lebih berfokus kepada pelajar berbanding guru. Dalam PAK21, guru bertindak sebagai pemudah cara yang menggalakkan penyertaan aktif pelajar di dalam kelas. Sehubungan itu, eloklah untuk guru pelatih Pendidikan Islam memahami apa yang dimaksudkan dengan PAK21 supaya guru pelatih Pendidikan Islam tahu bagaimana persekitaran pendidikan di sekolah yang telah banyak berubah dalam tempoh sedekad ini. Oleh itu, untuk menjadi seorang guru pada abad ke 21 perlu memiliki kemampuan dalam semua

aspek perguruan sejajar dengan kehendak negara kerana daripada peringkat pemilihan calon guru, latihan, fasa induksi, pembangunan profesionalisme berterusan sehingga ke peringkat penilaian serta pengurusan prestasi guru itu sendiri, dipastikan sentiasa berada pada tahap tinggi. Guru perlu memperbanyakkan ilmu pengetahuan tentang kaedah atau amalan pembelajaran PAK-21 agar objektif pembelajaran dapat dicapai dengan baik dan murid dapat memahami setiap proses pembelajaran dan pengajaran yang dijalankan.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Sistem pendidikan di Malaysia semakin hari semakin maju dengan adanya pelbagai sumber dan kaedah pembelajaran yang baik untuk murid yang belajar di Malaysia. Terdapat banyak kemudahan yang diberikan kepada murid. Walaubagaimanapun, dalam sistem pendidikan yang maju semestinya terdapat pelbagai permasalahan yang wujud dan tidak dapat dielakkan oleh para guru dan para pelajar di Malaysia. Begitu juga dalam bidang Pendidikan Islam telah timbul pelbagai isu atau permasalahan yang telah dikenalpasti seperti terdapat guru yang masih tidak menguasai dan memahami tentang pembelajaran PAK-21. Guru Pendidikan Islam juga menghadapi masalah dalam aspek amalan pedagogi, pengetahuan dan kemahiran-kemahiran pengajaran (Hamdi Ishak, 2012).

Hal ini akan menyebabkan pelajaran atau topik yang ingin disampaikan oleh guru tidak difahami oleh murid dan objektif pembelajaran tidak tercapai. Menurut Norazlin Mohd Rusdin dan Siti Rahaimah Ali (2019) guru perlu cekap dalam dalam pelbagai teknik pengajaran supaya dapat memberi peluang kepada murid dengan pelbagai keperluan pembelajaran mencungkil potensi terhebat mereka. Menurut Wardyawaty Rajikal dan Mohd Isa Hamzah (2020) kepelbagaian kaedah dan strategi pembelajaran yang digunakan, aspek keberkesanan menjadi elemen dalam PAK21 yang perlu dilihat agar proses PdP yang dijalankan dapat membentuk satu kefahaman konseptual yang luas selain dapat dihubungkait dengan pelbagai situasi.

Selain itu, telah menjadi kelaziman sesuatu perkara yang dilakukan pasti mempunyai cabaran atau kekangan untuk merealisasikan atau menjayakan objektif pembelajaran

tersebut, begitu juga dalam pembelajaran PAK-21 terdapat juga permasalahan cabaran yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan pembelajaran PAK-21. Menurut Nurul Azwani Mohd Idriki dan Tan Bee Piang (2022) dalam peningkatan teknologi dan pengenalan PAK21 ini, tidak semua guru yang mampu untuk menguasai penggunaan teknologi dengan baik terutamanya golongan guru yang sudah berusia dan hanya menggunakan kaedah tradisional semata-mata sebelum ini. Justeru itu, dalam kajian ini penting untuk pengkaji mengetahui cabaran yang di alami guru pelatih Pendidikan Islam dalam menghadapi PAK-21 agar masalah ini dapat diselesaikan dan mata pelajaran Pendidikan Islam dapat diajarkan mengikut arus sistem pendidikan yang terkini.

Seterusnya, setiap cabaran yang dihadapi pasti terdapat kaedah-kaedah penyelesaian untuk mengatasi cabaran tersebut. Begitu juga dalam PAK-21 pasti cabaran yang dialami oleh guru pelatih Pendidikan Islam mempunyai kaedah-kaedah penyelesaian yang akan membantu guru pelatih Pendidikan Islam menjadi seorang guru yang mahir dalam menggunakan kaedah PAK-21 yang sering diterapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang ingin setiap guru di sekolah menerapkan amalan PAK-21 semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Menurut Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mohamad dan Wan Munna Ruzanna Wan Mohamad (2017) penerapan kemahiran abad ke-21 akan dapat membantu pelajar dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan cabaran globalisasi dengan lebih berkeyakinan dalam bidang pendidikan, malah dalam bidang kerjaya. Tambahan pula, menurut Maliki Md Mokhtar dan Mohd Nizam Sahat (2022) pengajaran Pendidikan Islam khususnya bukan hanya bergantung kepada sebanyak mana ilmu yang disampaikan tetapi turut melibatkan kepelbagaian kreativiti pengajaran guru dalam menghasilkan idea yang baru dengan kaedah dan strategi pengajaran yang kreatif. Oleh itu, kaedah-kaedah penyelesai untuk mengatasi cabaran PAK-21 penting untuk diketahui agar guru pelatih Pendidikan Islam bersedia untuk masuk ke alam pekerjaan yang semestinya mempunyai pelbagai cabaran untuk menghadapi murid.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam dalam melaksanakan PAK-21 semasa menjalankan latihan mengajar. Hal ini demikian kerana realiti Pelaksanaan PAK-21 yang berlaku di sekolah serata negara adalah tidak sama. Terdapat sekolah yang tidak mempunyai banyak kemudahan untuk melaksanakan PAK-21. Sekiranya pengkaji dapat mengenalpasti cabaran yang dialami oleh guru pelatih Pendidikan Islam semasa latihan mengajar akan membantu guru pelatih Pendidikan Islam untuk meningkatkan kemahiran dalam kaedah PAK-21 dalam ketika berada di alam pekerjaan kelak.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan guru pelatih Pendidikan Islam terhadap PAK-21 kerana pada masa kini kaedah PAK-21 adalah kaedah digunakan oleh guru di sekolah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Umumnya, kaedah PAK-21 mempunyai kaedah yang pelbagai yang boleh digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru pelatih boleh menggunakan kaedah PAK-21 yang bersesuaian dengan topik yang dipelajari yang memudahkan pelajar untuk memahami topik tersebut. Oleh itu, amat penting untuk guru pelatih menguasai semua kaedah PAK-21 kerana terdapat pelbagai topik yang akan diajarkan yang memerlukan pelbagai kaedah PAK-21 digunakan untuk mencapai objektif pembelajaran pada setiap topik.

Seterusnya, dalam mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam pengkaji juga ingin mengetahui cadangan daripada guru pelatih bagi mengatasi cabaran yang guru pelatih Pendidikan Islam hadapi. Hal ini demikian kerana dengan mengambil cadangan daripada guru pelatih Pendidikan Islam bagi mengatasi cabaran yang dihadapi akan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang betul kerana guru pelatih sendiri yang menghadapi cabaran tersebut.



1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif kajian seperti berikut:

- a) Mengenalpasti tahap penguasaan guru pelatih Pendidikan Islam UPSI terhadap PAK-21 semasa menjalankan latihan mengajar di sekolah.
- b) Mengkaji cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam terhadap PAK-21 semasa menjalankan latihan mengajar di sekolah.
- c) Menganalisis dan mencadangkan penambahbaikan terhadap PAK-21 daripada guru pelatih Pendidikan Islam UPSI di sekolah

1.6 PERSOALAN KAJIAN



Bagi mencapai tujuan dan objektif diatas, kajian ini dirangka bagi menjawab beberapa soalan kajian seperti berikut:

- a) Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam melaksanakan PAK-21 semasa menjalankan latihan mengajar di sekolah?
- b) Apakah tahap penguasaan tahap penguasaan guru pelatih Pendidikan Islam UPSI terhadap PAK-21 di sekolah?
- c) Apakah cadangan daripada guru pelatih Pendidikan Islam bagi mengatasi cabaran yang guru pelatih Pendidikan Islam hadapi di sekolah?



1.7 KERANGKA TEORI KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris semasa menjalankan latihan mengajar. Asas kepada kajian ini adalah berpandukan kepada kaedah Pembelajaran Abad ke 21 (PAK-21). Kerangka teori kajian yang dibina dalam kajian ini adalah untuk meninjau aspek-aspek penting yang menjadi asas terbentuknya kaedah Pembelajaran Abad ke 21. Teori yang menjadi rujukan dalam kajian ini adalah Teori Konstruktivisme Vygotsky (oleh Vygotsky (1896-1934) yang menjelaskan tentang gaya pembelajaran murid. Teori ini merupakan salah satu daripada Teori Pemerolehan Pembelajaran iaitu pelajar sebagai pembina pengetahuan daripada pengetahuan dan pengalaman sedia ada sebaliknya bukan menerima pengetahuan bulat-bulat daripada guru (Dayang Julida Abang Tar & Muhd Izwan Mahmud, 2021).

Teori ini merupakan salah satu daripada Teori Pemerolehan Pembelajaran iaitu murid sebagai pembina pengetahuan daripada pengetahuan dan pengalaman sedia ada sebaliknya bukan menerima pengetahuan bulat-bulat daripada guru. Teori ini merupakan gabungan teori konstruktivisme vygotsky (zon perkembangan prokmisal-ZPD) dengan tiga model gaya pembelajaran iaitu model gaya visual, auditori dan kinestetik (VAK). Hasil gabungan ini dibuat untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang menonjol terhadap kanak-kanak dan untuk mengetahui sama ada kanak-kanak tersebut boleh menyelesaikan soalan dengan bantuan orang lain atau menyelesaikannya sendiri kerana setiap individu mempunyai latar belakang, pengalaman, interaksi dan berbeza budaya (Dayang Julida Abang Tar & Muhd Izwan Mahmud, 2021).

Berdasarkan teori konstruktivisme. Vygotsky telah menekankan bahawa meneroka alam sekeliling dan berinteraksi antara satu sama lain merupakan salah satu cara yang berkesan untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar. Untuk membangunkan pelajar untuk menjadi pelajar yang aktif, guru mesti cukup terlatih dan berilmu untuk melibatkan diri mereka dengan pelajar semasa aktiviti bilik darjah. Guru bertindak sebagai fasilitator atau penasihat, dan bukan sebagai pemerhati dan penilai semata-mata. Implikasi kepada teori ialah dalam pengajaran di mana guru seharusnya memberi peluang kepada murid untuk membina pemahaman yang mendalam tentang semua



bahan dan guru cuba membina perhubungan di antara semua ilmu pengetahuan yang diperoleh. Teori konstruktivisme ini sangat berkait rapat dengan kaedah Pembelajaran Abad ke 21 yang memerlukan para murid bergerak secara aktif semasa di dalam kelas untuk memberikan atau mengemukakan pelbagai idea berkaitan topik yang dipelajari.




Rajah 1.1 Teori konstruktivisme oleh Vygotsky



1.8 KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konsep disediakan sebagai rujukan atau panduan kepada kajian ini agar ia dapat mencapai tujuan dan matlamat yang hendak dikehendaki.



Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian

Oleh yang demikian, dalam gambar rajah 2 ini telah memberikan gambaran tentang pemboleh ubah yang akan dibincangkan dalam kajian. Faktor-faktor di atas perlu dititik beratkan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam yang menggunakan kaedah pengajaran berasaskan PAK-21.

1.9 KEPENTINGAN KAJIAN

Mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam dalam melaksanakan PAK-21 merupakan tujuan kajian ini dijalankan. Dengan adanya kajian ini, sedikit sebanyak dapat membantu guru pelatih Pendidikan Islam dalam menguasai PAK-21 dan memberi panduan dalam dunia pendidikan yang sebenar. Kajian ini juga dapat memberi kepentingan kepada guru, guru pelatih, pelajar dan Sektor Pendidikan. Kepentingan kajian ini juga dapat menyedarkan guru pelatih Pendidikan Islam bahawa menjadi seorang guru juga tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang akan dihadapi atau ditempuhi semasa berhadapan dengan murid yang pelbagai ragam.

Kajian ini sangat bermanfaat kerana guru pelatih Pendidikan Islam dapat meningkatkan kualiti pendidikan mereka dengan dapat mempelajari pelbagai kaedah PAK-21 yang menyeronokkan serta mengatasi setiap cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih dalam melaksanakan PAK-21. Pengkaji berharap penguasaan guru pelatih Pendidikan Islam terhadap PAK-21 dapat membantu mereka untuk mendidik murid ketika guru pelatih Pendidikan Islam menjalani latihan mengajar 2 dalam membawa inovasi terhadap dunia pendidikan di zaman moden ini. Pengkaji berharap amalan kaedah PAK-21 ini dapat mengalir di dalam tubuh insan yang bergelar pendidik terutamanya bakal guru Pendidikan Islam daripada Institusi Awam ataupun Institusi Perguruan Malaysia khususnya Bakal Guru Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Seterusnya, kajian ini juga penting kerana dapat menyedarkan guru pelatih Pendidikan Islam bahawa kaedah PAK-21 yang sesuai dapat memudahkan pengajaran guru serta dapat memberi rangsangan motivasi dan minat untuk para murid di sekolah untuk menguasai setiap topik yang dipelajari semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan prestasi murid Pendidikan Islam dalam peperiksaan. Hal ini kerana keputusan peperiksaan murid dapat menentukan sama ada pelajar memahami atau tidak setiap topik yang dipelajari semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Tambahan pula, kaedah PAK-21 yang digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sangatlah memberi kesan kepada pencapaian pelajar para murid. Pengkaji berharap kajian ini dapat membangunkan Pendidikan Islam di Malaysia.

1.10 BATASAN KAJIAN

Setiap kajian mempunyai batasannya yang tersendiri, begitu dalam kajian ini pengkaji tidak mengkaji sesuatu secara meluas, namun pengkaji membataskan kajian ini supaya dapat kajian menepati kehendak soalan. Pengkaji meletakkan skop dan ruang yang agak sempit dalam batasan kajian. Namun begitu keseluruhan aspek dalam teks merupakan intipati yang menyeluruh. Antara batasan kajian ini ialah kajian ini hanya tahap penguasaan tahap penguasaan guru pelatih Pendidikan Islam terhadap PAK-21. Hal ini demikian kerana kaedah pembelajaran pada masa kini adalah berdasarkan PAK-21 yang dilihat mempunyai banyak keberkesanan dalam dunia pendidikan pada

masa kini dan kaedah dapat menjadikan murid aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, batasan kajian ini ialah mengkaji cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Islam dalam melaksanakan PAK-21. Hal ini demikian kerana cabaran ini perlu diatasi untuk memastikan sistem pendidikan di Malaysia tidak jauh ketinggalan dengan negara maju yang bertaraf dunia. Pendidikan bertaraf dunia menunjukkan perkembangan dan kemajuan pesat serta dinamis pendidikan negara, khususnya dari segi kualiti, kuantiti, standard, kecemerlangan dan kredentialiti yang diakui dan diterima di peringkat antarabangsa atau dunia. Dilihat dari perspektif yang luas, pendidikan bertaraf dunia bermaksud kemampuan dan pencapaian cemerlang Malaysia dalam membangunkan sektor pendidikan untuk memelopori perubahan dan kemajuan dinamis.

Tambahan pula, Skop Kajian ini hanyalah terbatas kepada cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan PAK-21 oleh guru pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris semester 6 dan semester 7 sahaja. Walaupun begitu, kajian ini tidaklah memberi penekanan yang mendalam berdasarkan kekangan masa, tenaga, kewangan dan skop perbincangan yang sangat luas yang memerlukan penelitian yang meluas.

1.11 DEFINISI OPERASIONAL KAJIAN

Bagi memudahkan perbincangan dalam kajian ini, beberapa konsep perlu dijelaskan secara terperinci dari aspek operasional kajian dalam konteks kajian yang dilakukan ini. Berikut beberapa definisi operasional yang digunakan di dalam kajian ini:

1.11.1 Cabaran

Definisi cabaran dari Kamus Pelajar Edisi Kedua merujuk kepada ajakan untuk berlawan atau tantangan. Menurut Kamus Cambridge, cabaran bermaksud (situasi

berhadapan dengan) sesuatu yang memerlukan usaha mental atau fizikal yang besar agar dapat dilakukan dengan jayanya dan menguji kemampuan seseorang.

1.11.2 Guru Pelatih Pendidikan

1.11.2.1 Guru

Menurut Kamus Dewan, guru bermaksud pengajar, pendidik atau pengasuh. Seorang guru ialah merupakan pembimbing dalam proses pembelajaran. Guru dalam *The Encyclopedia of Education* disebut sebagai *Teacher*, iaitu golongan yang menyediakan pelajar dengan kemahiran seperti membaca dan menulis serta melakukan lain-lain kewajipan berhubung dengan pelajarnya itu. Dari perspektif Islam guru disebut sebagai mudarris (pengajar), mu'addib (pembentuk adab), murabbi (memelihara dan mendidik supaya berakhlak mulia), mursyid (memberi petunjuk) dan mu'allim (mengajar atau menyampaikan ilmu).

1.11.2.2 Guru Pelatih

Guru pelatih dalam kajian ini bermaksud bakal guru yang diwajibkan menjalani latihan mengajar untuk tujuan mendedahkan mereka tentang tugas tanggungjawab dan peranan seorang guru di sekolah. Guru pelatih yang difokuskan di sini ialah pelajar Sarjana Muda Pendidikan Islam yang telah mengikuti latihan mengajar.

1.11.2.3 Pendidikan Islam

Mohd Roslan Mohd Nor dan Wan Mohd Tarmizi Wan Othman (2011) Menyatakan perkataan pendidikan Islam apabila ia digabungkan, akan memberikan satu pengertian yang berbeza dengan maksud pendidikan. Hasan al-Sharqawi menyifatkan pendidikan Islam sebagai satu kefahaman terhadap ajaran Islam yang membawa seorang manusia kepada menjauhi diri dari sifat-sifat tercela dan mendekatkan diri dengan sifat-sifat terpuji. Semuanya ini akan dapat mencerdikkan akal, menguatkan tubuh badan, membersihkan diri dan menyucikan hati tanpa menjadikan salah satu daripadanya melemahkan yang lain. Baginya, pendidikan Islam ialah satu usaha untuk menyeimbangkan dan menyamakan diantara kekuatan yang ada pada tubuh badan dan antara kekuatan diri dan hubungannya dengan Allah, kejadian sekeliling dan manusia seluruhnya.

Menurut Abdul Halim El-Muhammady (1993) mendefinisikan pendidikan Islam sebagai proses melatih dan mempertingkatkan rohani, jasmani dan akal manusia berasaskan kepada nilai-nilai yang bersumberkan wahyu seperti al-Quran dan al-Sunnah, pengalaman Salaf al-Salih serta ilmuwan muktabar untuk melahirkan insan salih yang mampu memikul tanggungjawab khalifah yang diamanahkan oleh Allah SWT ke atas manusia supaya mengimarahkan ala mini untuk kebahagiaan hidupnya di dunia dan di akhirat.

1.11.3 Pembelajaran Abad Ke 21 PAK21

Kementerian Pendidikan mendefinisikan Pembelajaran Abad Ke-21 PAK-21 sebagai proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Inti utama PAK-21 ialah orientasi proses pembelajaran yang lebih berfokus kepada murid berbanding guru. Dalam PAK-21, guru bertindak sebagai pemudah cara yang menggalakkan penyertaan aktif murid di dalam kelas. Memasuki alaf baharu, pendidikan juga perlu berubah untuk beradaptasi dengan perubahan zaman, kemajuan teknologi serta pemikiran generasi baharu. Untuk itu, sistem pendidikan negara

menerapkan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) bagi memastikan murid tidak ketinggalan dalam dunia yang berkembang pesat.

1.12 KESIMPULAN

Bab ini telah menjelaskan secara terperinci pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, serta definisi operasional kajian. Bab seterusnya akan menghuraikan dengan lebih lanjut kajian-kajian berhubung dengan cabaran guru pelatih Pendidikan Islam terhadap PAK-21 semasa menjalankan latihan mengajar. Perbincangan juga akan menghuraikan tentang cadangan guru pelatih Pendidikan Islam dalam mengatasi cabaran yang guru pelatih Pendidikan Islam hadapi semasa menjalankan latihan mengajar.